



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY

HEBAHAN AWAM **AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS) UNTUK PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022

1. Dalam usaha memastikan perkhidmatan bas ekspres mencukupi, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) membuka permohonan Lesen Perubahan Sementara (LPS) sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri yang bakal diraikan pada 3 Mei 2022.
2. Permohonan dibuka kepada semua pengendali bas yang layak bermula 1 April 2022 hingga 22 April 2022. Permohonan boleh dikemukakan di semua Pejabat Wilayah dan kaunter APAD di Semenanjung Malaysia.
3. Tempoh sah laku LPS bagi semua permohonan yang diluluskan ialah dari 29 April 2022 hingga 8 Mei 2022.
4. Sehubungan itu, pihak APAD mempelawa semua pengendali yang berminat untuk mengambil maklum dan membuat permohonan. Pihak APAD sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada setiap masa dan sokongan berterusan semua pihak amatlah diharapkan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
25 Mac 2022

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my

www.apad.gov.my